



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA



UKK/600-01/05 (43)

## SIARAN MEDIA

### JELAJAH KEUSAHAWANAN SENI (JKS)

### BANTU USAHAWAN SENI MEMBENTUK PERNIAGAAN KREATIF DI MALAYSIA

**30 SEPTEMBER 2023** – Balai Seni Negara meneruskan Program Jelajah Keusahawanan Seni (JKS) siri kedua selama dua hari bermula hari ini hingga 1 Oktober 2023 bertempat di Yayasan Warisan Johor dari jam 10.00 pagi hingga 5.30 petang. JKS merupakan inisiatif Balai Seni Negara yang dianjurkan sejak tahun 2021, memberi fokus terhadap usahawan seni dalam mewujudkan ekosistem seni yang berkembang pesat. Program ini terbuka kepada artisan, pengusaha produk kreatif, usahawan digital, peminat seni, pendidik, pelajar, dan graduan baharu.

JKS adalah program bimbingan komprehensif yang disesuaikan dengan keperluan unik usahawan kreatif. Program ini melibatkan bengkel intensif selama dua hari dengan fokus pada pengajaran dan juga mengadakan aktiviti seni, budaya, serta kreatif di pelbagai lokasi aktif. Melalui program ini, peserta diberi panduan dan sokongan dalam sektor seni kreatif yang dapat membantu mereka memperkuuh perniagaan serta berkembang dalam pasaran yang dinamik.

Peserta akan mendalami aspek-aspek asas keusahawanan, merancang pelan perniagaan strategik, dan mendapatkan pandangan daripada jurulatih perniagaan berpengalaman serta seniman yang berjaya dalam industri. Program JKS kali ini menampilkan dua jurulatih dalam bidang keusahawanan, iaitu Biz Din Deraman dan Ir. Mohd Adib Noh. Selain perkongsian strategi keusahawanan dan rahsia kejayaan perniagaan seni, peserta juga berpeluang untuk berinteraksi dalam sesi soal jawab bersama jurulatih. Program ini turut disertakan dengan sesi demonstrasi seni yang menarik oleh artis Yaulacap dari Art Batalion.

Balai Seni Negara sentiasa komited dalam membantu usahawan seni tempatan dalam mengembangkan perniagaan mereka. Selari dengan hasrat itu, Balai Seni Negara akan terus mencari lokasi yang inspiratif untuk destinasi masa hadapan bagi memberikan pengalaman seni, budaya, dan kreativiti yang luar biasa kepada peserta.

Dalam pada itu, JKS turut merancang untuk melanjutkan siri jelajahnya ke Ruang Tamu di Sabah. Terdahulu Program JKS diadakan di beberapa lokasi antaranya Kapallorek Artspace di Perak, Think City di Pulau Pinang, Duyong Art Gallery, Terengganu, Galeri Seni Lukis Perlis, AKUDESIGN Homegrown di Melaka, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Kampung Budaya Sarawak.

Program JKS bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan keusahawanan usahawan seni kreatif, malah ia turut mendorong perkongsian idea, rangkaian perniagaan serta membentuk usahawan seni yang berilmu dan berdaya saing dalam industri seni yang kompetitif sekaligus menjadikan perniagaan seni kreatif lebih mapan.

Untuk maklumat lanjut program, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Sarifah Abu Bakar Ebau**

T: +60 16 494 7921

E: [sarifah@artgallery.gov.my](mailto:sarifah@artgallery.gov.my)

**Wan Nor Hidayah Wan Idris**

T: +60 17 987 3303

E: [hidayah@artgallery.gov.my](mailto:hidayah@artgallery.gov.my)